



LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
JUMAAT 27 DISEMBER 2024

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	ACTION TO ADDRESS COCONUT SHORTAGE, NATIONAL, THE SUN -4	LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA)
2.	PROJEK PADI LIMA KALI DUA TAHUN DIHENTIKAN SEMENTARA, UTARA, HAKAKAH -H20	LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN MUDA (MADA)
3.	NELAYAN DAPAT MANFAAT PROJEK KOREK MUARA DI MERCHANG, TIMUR, HAKAKAH -H17	LAIN-LAIN
4.	PERLUAS PROJEK TANAMAN MELON, AMPANG, SH -27	

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)


Action to address coconut shortage

KUALA LUMPUR: The Federal Agricultural Marketing Authority has taken measures to address the lack of coconuts in the market by boosting purchases of coconuts from Indonesia to ensure adequate supply for domestic use, especially during festive seasons.

Its chairman Aminuddin Zulkipli said the authority, through its subsidiary Famaco, has increased purchases of coconuts from Indonesia to 320 metric tonnes from this month compared with the previous 180 metric tonnes.

This follows a drop of up to 50% in local coconut supply at several major markets in locations that included the Klang Valley, due to unfavourable weather in the past three months that affected the yield of coconuts at local plantations and export countries.

— Bernama



Aminuddin said the authority has increased purchases of coconuts from Indonesia. — BERNAMAPIC

Projek padi lima kali dua tahun dihentikan sementara

ARAU: Projek penanaman padi lima kali dalam tempoh dua tahun di Perlis dihentikan sementara susulan beberapa kekangan yang tidak dapat dielakkan.

Projek yang dilaksanakan di Kampung Lat 1,000, Simpang Empat, dan Pauh, melibatkan keluasan lebih 100 hektar itu telah dihentikan pada pertengahan tahun ini.

Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Perladangan dan Kepenggunaan negeri, Razali Saad, berkata kerajaan negeri memberi jaminan projek itu akan diteruskan selepas beberapa isu diselesaikan.

"Kita akan teruskan balik selepas berdepan beberapa kekangan seperti masalah pasaran."

"Jangkaan untuk sambung semula projek itu sedang dalam perbincangan," katanya ketika ditemui *Harakah* pada majlis penyerahan bantuan bencana tanaman Perlis 2024 di Pertubuhan Peladang E1 Simpang Empat, di sini.

Projek di bawah inisiatif Smart Sawah Berskala Besar (Smart SBB) Mini Sekinchan itu dimulakan tahun lalu bagi meningkatkan hasil padi negara.



Razali (tengah) bersama penerima bantuan bencana tanaman Perlis 2024.

Ia dijangka mampu membantu keperluan sara diri (SSL) beras negara kepada 80 peratus menjelang 2030.

Sementara itu, Razali berkata bencana ribut dan banjir pada September serta Oktober lalu telah mengakibatkan kerugian RM2.908 juta melibatkan keluasan 526.47 hektar.

Menurutnya, kerajaan negeri telah menyediakan insentif bantuan sebanyak RM500 per hektar dengan nilai minima RM100 seorang.

melibatkan 628 penerima dengan jumlah keseluruhan RM202,868.

Sehubungan itu, beliau turut menggesa petani yang terjejas akibat bencana pada November lalu segera membuat aduan kepada Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) sebelum 20 Disember ini.

"Kita juga berharap kerajaan dapat meluluskan peruntukan RM5 juta kepada MADA untuk menaik taraf sistem saliran bagi mengatasi isu banjir," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
27/12/2024	SINAR HARIAN	AMPANG	27

Perluas projek tanaman melon

AMPANG - Kerajaan negeri menyediakan peruntukan khusus RM300,000 kepada enam kebun komuniti bagi memperluaskan lagi projek tanaman melon.

Exco Infrastruktur dan Pertanian Selangor, Datuk Ir Izhah Hashim berkata, kebun terpilih akan dibekalkan peralatan perlindungan hujan (*rain shelter*) dan set lengkap hidroponik.

Menurutnya, inisiatif berkenaan adalah langkah kerajaan negeri mahu memperluas sektor pertanian bandar dan meningkatkan pengeluaran tanaman bernilai tinggi.

"Projek ini kini sudah memasuki tanaman kali keempat di Pandan Jaya dan berjaya menghasilkan melon bermutu, cepat serta mudah dengan menggunakan teknik tanaman moden.

"Projek tanaman melon di Pandan Jaya akan dijadikan sebagai pusat latihan di mana peserta akan dibimbing dari awal tanaman hingga ke pemasaran," katanya ketika Majlis Penyerahan Bantuan Input Pertanian dan Pelaksanaan Projek Melon di bawah Program Agro Bandar dan Kebun Komuniti Selangor 2024 di Kampung Pandan Dalam di sini pada Khamis.

Terdahulu dalam program itu, sebanyak RM450,000 bantuan keseluruhan disalurkan kepada petani yang layak.

"Ia membabitkan bantuan RM5,000 dari segi peralatan kepada 30 kebun komuniti dan RM50,000 setiap satu kepada enam projek melon," katanya.

Ujar beliau, Selangor antara negeri mempunyai peruntukan besar dalam sektor pertanian sebagai usaha memastikan kelangsungan rantaian makanan dan menggalakkan pertanian bandar.

"Baru-baru ini, kerajaan negeri menyalurkan bantuan dan sokongan lebih RM2 juta kepada pelbagai jenis pertanian, sektor penternakan serta nelayan," katanya.

Nelayan dapat manfaat projek korek muara di Merchang

MARANG: Projek pengorekan muara dan pembinaan pemecah ombak di Merchang dijangka siap sepenuhnya pada awal 2025.

Projek itu dimula pembinaan pada 15 Disember 2021 melibatkan kos RM30.5 juta bertujuan mengatasi masalah kecekatan muara Merchang yang menyukarkan nelayan berulang-alik ke laut.

ADUN Pengkalan Berangan, Sulaiman Sulong berkata, sejak puluhan tahun lalu nelayan menyuarakan mengenai muara Merchang yang menjejaskan rezeki mereka.

“Projek ini menjadi pemangkin kepada peningkatan taraf hidup komuniti nelayan di kawasan tersebut,” katanya di sini.

Sebelum ini bekas Menteri Alam Sekitar dan Air,

Dato’ Sri Tuan Ibrahim Tuan Man memberitahu projek tersebut sebahagian langkah Kementerian Alam Sekitar dan Air (KASA) menangani mendapan muara sungai dan hakisan pantai di Marang.

Kata beliau kerja-kerja pembinaan melibatkan pengorekan alur navigasi bermula muara Sungai Merchang sehingga Jeti Lembaga Kemaajuan Ikan Malaysia (LKIM).

Sulaiman juga berkata, projek itu akan memberi manfaat kepada nelayan dan usahawan bot pelancong untuk keluar masuk ke laut.

Difahamkan terdapat lebih 100 bot berdaftar menggunakan laluan tersebut.



Sulaiman meninjau projek benteng di Muara Merchang.